

# PM lancar Perkhidmatan Awan, Keselamatan Siber

Khidmat pintar baharu diperluas di pelbagai agensi dengan kos lebih rendah

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Cyberjaya:** Perkhidmatan Awan dan Keselamatan Siber untuk kerajaan Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, dijangka membolehkan sektor kerajaan memperluaskan perkhidmatan pintar baharu dengan segera di pelbagai agensi dengan kos pelaksanaan lebih rendah.

Perkhidmatan berkenaan akan menyediakan keupayaan yang lengkap merangkumi perkhidmatan awan secara menyeluruh, termasuk infrastruktur-sebagai-perkhidmatan, platform-sebagai-perkhidmatan, perisian-sebagai-perkhidmatan, perkhidmatan profesional awan serta perkhidmatan awan terurus untuk menyokong Pelan Transformasi Awan bagi agensi kerajaan.

Majlis pelancaran disempurnakan di Pusat Data Teras Lembah Klang TM ONE (KVDC) di



Pusat Data Teras Lembah Klang TM ONE, Cyberjaya.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

sini dan turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom Malaysia Berhad (TM), Imri Mokhtar,

Terdahulu, Muhyiddin turut melawat kemudahan di KVDC selain menyaksikan perjanjian dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan

Cloud Connect Sdn Bhd untuk Panel Pengkomputeran Awan Berpusat TM dan Penyedia Perkhidmatan Terurus TM.

TM turut menerima surat pelantikan sebagai Penyedia Perkhidmatan Awan (CSP) bagi kerajaan Malaysia, menjadi satu-satunya syarikat tempatan yang dilantik sebagai CSP, selain tiga syarikat antarabangsa.

Pada sidang media kemudian, Imri berkata, penggunaan

perkhidmatan awan itu bakal membolehkan penawaran perkhidmatan yang lebih baik dan menyeluruh kepada penduduk di negara ini berikutan perkhidmatan berkenaan mampu menampung lebih banyak data.

“Daripada data ini, pelbagai perkhidmatan lebih baik boleh diberikan kepada golongan sasaran dan terperinci dengan menggunakan elemen teknologi

lain, iaitu 'big data analytics', kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya. Pelbagai perkhidmatan awan, saya yakin boleh diberikan kerajaan kepada rakyat dari segi keselamatan dan pemantauan untuk keselamatan serta kesejahteraan rakyat Malaysia,” katanya.

Sambil memberi jaminan kumpulan syarikat itu sudah bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab terbabit, Imri berkata, perkhidmatan berkenaan bukan sekadar bergantung terhadap teknologi semata-mata, sebaliknya bagi mencari penyelesaian dengan membawa gaya hidup dan gaya kerja digital untuk rakyat Malaysia.

Selain itu, katanya, kerajaan melalui strategi *cloud first* menyasarkan migrasi sejumlah 80 peratus data awam ke sistem awan hibrid itu menjelang akhir tahun depan.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, TM kekal komited dengan usahanya merealisasikan aspirasi MyDIGITAL berdasarkan tiga teras utama yang memberi tumpuan kepada Kesalinghubungan Digital, Infrastruktur Digital dan Bakat Digital.

“Ini termasuk membina rangkaian dan infrastruktur bersepadu yang kukuh bawah pelan tindakan Jaliran Digital Negara (JENDELA) dan meningkatkan kecerdasan serta kemahiran digita rakyat Malaysia melalui Universiti Multimedia (MMU) kami dan TM Digital Academy.

“Kami bersedia untuk mempercepatkan penerimaan awan, pusat data dan keselamatan siber ke arah menjadi Digital Malaysia sepenuhnya menjelang 2030, iaitu masyarakat yang lebih digital, perniagaan digital, industri digital dan kerajaan digital,” katanya.